

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22




### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR





Untuk menonton  
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bagi segmen Bicara Pakar. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Nor Hafziah Md. Hanafiah Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan Prof. Madya Ts. Dr. Norhaslinda Kamaruddin dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Shah Alam.

Sesi perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan sedikit perkongsian tentang latar belakang panel jemputan dan diteruskan dengan kupasan ilmu yang bertajuk Realities of Big Data Analytics: Challenges & Opportunities. Setiap hari, organisasi sentiasa dihujani dengan data yang pelbagai bentuk, dalam jumlah yang banyak dan diterima dengan pantas. Panel jemputan juga memberitahu terdapat 3 ciri-riri utama (3V) dalam big data iaitu 'volume' yang merupakan kandungan data yang sangat banyak. Kedua, 'velocity' iaitu kepantasan penghasilan data dan yang ketiga 'variety' iaitu kepelbagaian jenis data yang akan disimpan bagi memudahkan keputusan dibuat.



Big Data Analytics merupakan proses memeriksa data yang besar untuk mendedahkan corak tersembunyi, korelasi yang tidak diketahui dan maklumat lain yang berguna yang boleh digunakan untuk mentafsir maklumat yang benar-benar penting dan membuat keputusan yang lebih baik. Melalui kajian daripada Statistic Digital Economy Compass 2019, pembentukan data dunia berkemungkinan akan meningkat akibat daripada penghasilan data yang sangat banyak bermula dari tahun 2010 sehingga 2035.



Panel jemputan berharap agar lebih ramai individu yang berminat untuk mempelajari khusus sains komputer dan memiliki kemahiran serta kepakaran dalam bidang data analytics secara lebih mendalam. Selain itu, beliau juga berharap agar ilmu yang disampaikan ini dapat dipraktikkan dalam kalangan kakitangan UiTM khususnya.